



GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI BAGI INSTRUMEN HIBRID

1. PENGENALAN

- 1.1 Secara amnya, layanan cukai terhadap agihan atau keuntungan daripada suatu instrumen kewangan itu adalah berdasarkan sifat instrumen berkenaan sama ada ekuiti atau hutang.
- 1.2 Berikut adalah ciri-ciri umum bagi pemegangan instrumen ekuiti dan hutang:

Ciri-ciri Umum	
Pemegangan Ekuiti	Pemegangan Hutang
Layak mendapat hak untuk terlibat dalam bahagian agihan atau keuntungan sesuatu entiti dalam bentuk seperti dividen, agihan daripada Unit Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trust (REIT), pulangan atau premium yang terbit daripada keuntungan.	Hak ke atas agihan atau keuntungan sesuatu instrumen adalah tetap.
Mempunyai hak ke atas baki aset syarikat selepas pembayaran balik dibuat kepada penghutang semasa likuidasi.	Mempunyai hak ke atas bayaran balik jumlah prinsipal hutang semasa likuidasi.
Tiada tarikh matang.	Mempunyai tarikh matang.
Mempunyai hak mengundi.	Tiada hak mengundi.
Pengurusan entiti mempunyai budi bicara untuk membuat bayaran agihan atau keuntungan.	Pemegang instrumen mempunyai hak perundangan untuk menuntut bayaran atas agihan atau keuntungan.

- 1.3 Pemakaian layanan cukai semasa perlu mempertimbangkan ciri-ciri atau sifat-sifat khas sesuatu instrumen kewangan hibrid (selepas ini

dirujuk sebagai 'instrumen hibrid') yang mempunyai kedua-dua ciri ekuiti dan hutang.

- 1.4 Sehubungan itu, ujian hendaklah dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan ciri-ciri sesuatu instrumen hibrid sama ada ianya bersifat ekuiti atau hutang bagi menentukan layanan cukai yang bersesuaian digunapakai.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung:
 - 2.1.1 Ciri-ciri utama instrumen hibrid dan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan sifat sama ada sesuatu instrumen hibrid itu adalah ekuiti atau hutang bagi tujuan percukaian.
 - 2.1.2 Layanan cukai berkaitan dengan agihan atau keuntungan instrumen hibrid untuk kedua-dua pemegang dan penerbit instrumen.

3. TAKSIRAN

- 3.1 Bagi tujuan garis panduan ini:
 - 3.1.1 "instrumen hibrid" merujuk kepada instrumen kewangan yang mempunyai kedua-dua ciri ekuiti dan hutang. Contoh termasuk saham keutamaan, bon, nota pinjaman berterusan dan nota pinjaman penyertaan untung.
 - 3.1.2 "pemegang instrumen" merujuk kepada orang yang melanggan instrumen hibrid.
 - 3.1.3 "penerbit instrumen" merujuk kepada orang yang mempunyai kuasa untuk menerbitkan instrumen hibrid yang mempunyai maksud orang yang luas termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Syarikat yang diperbadankan di Malaysia termasuk entiti Labuan; atau
 - b) Pemegang amanah kepada REIT.

4. CIRI-CIRI INSTRUMEN HIBRID DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MENENTUKAN SIFAT INSTRUMEN HIBRID

- 4.1. Penentuan sama ada sifat sesuatu instrumen adalah ekuiti atau hutang hendaklah dibuat berdasarkan intipati instrumen itu dan bukannya berdasarkan bentuk perundangan semata-mata. Dari perspektif percukaian, adalah penting untuk menentukan nilai ekonomi sebenar

dengan memeriksa hak-hak perundangan dan obligasi yang diwujudkan oleh sesuatu instrumen, fakta-fakta serta pengaruh persekitaran berkaitan bersama kombinasi faktor-faktor yang disenaraikan di perenggan 4.2 sebelum mempertimbangkan sama ada ianya dianggap bersifat ekuiti atau hutang.

- 4.2. Faktor-faktor dalam menentukan sifat sesuatu instrumen hibrid itu adalah ekuiti atau hutang bagi tujuan cukai pendapatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:

4.2.1. Punca dari mana prinsipal itu akan dibayar semula dan agihan atau keuntungan yang bakal dibayar beserta penarafan bayaran balik semasa berlaku likuidasi atau pembubaran

Instrumen adalah ekuiti jika:

- a) Punca bagi membayar semula prinsipal dan bayaran agihan atau keuntungan adalah bergantung pada perolehan tertahan atau rizab terhad; atau
- b) Semasa berlaku likuidasi atau pembubaran:
 - i) Keutamaan kepada hak bayaran semula pemegang instrumen adalah rendah berbanding pemiutang am atau pemegang hutang subordinat; atau
 - ii) Pemegang instrumen dianggap bertanggungjawab ke atas sebarang potensi kerugian yang dilakukan oleh penerbit instrumen. Ini termasuk mengurangkan amaun prinsipal sesuatu instrumen bagi mengimbangi kerugian, sama ada ia berlaku pada masa kini atau pada masa hadapan atau penukaran instrumen kepada saham biasa oleh penerbit instrumen.

Instrumen adalah hutang jika:

- a) Pembayaran semula prinsipal dan bayaran agihan atau keuntungan adalah tidak bergantung pada keuntungan penerbit instrumen (tanpa mengira keadaan kewangan) dan tanggungan untuk membayar adalah terkumpul, atau
- b) Dalam keadaan dimana bayaran agihan atau keuntungan adalah mandatori dan/ atau terkumpul.

Kewujudan klausa halangan mengistiharkan dividen atau sekatan dalam terma dan syarat sesuatu instrumen tidak mencukupi untuk menganggap instrumen itu bersifat hutang.

Klausula halangan mengistiharkan dividen atau sekatan menghalang penerbit daripada mengisytiharkan agihan atau keuntungan kepada pelabur kategori lain sekiranya pengagihan pada instrumen tersebut tidak dibayar.

4.2.2. Hak untuk menguatkuasakan bayaran agihan atau keuntungan dan bayaran balik prinsipal oleh pemegang instrumen

Kebiasaannya klausula kemungkiran dan penguatkuasaan wujud dalam terma dan syarat suatu instrumen hutang. Pemegang instrumen hutang mempunyai hak mutlak untuk menuntut bayaran pengagihan atau keuntungan termasuk pembayaran balik amaun prinsipal pada tarikh dan jumlah yang ditetapkan.

Sebaliknya, jika instrumen itu tidak memberikan hak kepada pemegang instrumen untuk menguatkuasakan bayaran agihan atau keuntungan dan bayaran semula prinsipal ia adalah satu instrumen ekuiti.

4.2.3. Apabila berlaku keadaan kemungkiran

Sekiranya berlaku keadaan kemungkiran dan pemegang instrumen tiada hak atau hak adalah bersyarat untuk mendapat semula prinsipal mahupun agihan atau keuntungan terkumpul, maka instrumen adalah satu ekuiti.

Kewujudan ciri peningkatan menunjukkan bahawa pihak yang menerbitkan instrumen kewangan mempunyai kewajipan untuk membayar semula jumlah prinsipal. Ciri peningkatan yang lazim pada instrumen hutang berterusan akan mengakibatkan kos yang lebih tinggi kepada penerbit untuk menyimpan instrumen tersebut dan menyebabkan penebusan lebih awal. Ini adalah petunjuk bahawa instrumen itu adalah hutang.

Ciri peningkatan di atas merujuk pada satu ciri yang mana terdapat peningkatan dalam kadar pengagihan pada satu masa atau selang masa tertentu jika instrumen belum ditebus.

4.2.4. Tarikh matang instrumen

Kewujudan tarikh matang, ciri peningkatan atau opsiyen menunjukkan sifat hutang sesuatu instrumen.

Sebaliknya, jika tanpa tempoh matang, ciri peningkatan atau opsiyen, ia menunjukkan instrumen tersebut adalah satu ekuiti.

4.2.5. Kemampuan penerbit untuk mendapatkan pinjaman dan membuat bayaran pada transaksi selengan

Sesuatu instrumen dikira sebagai instrumen hutang jika penerbit mampu mendapatkan pinjaman dan memenuhi obligasi bayaran hutang pada transaksi selengan.

Sebaliknya, satu instrumen dikira sebagai instrumen ekuiti apabila terma-terma pinjaman itu tidak munasabah dan tiada pemiutang bebas yang akan memberikan pinjaman serupa sekiranya dikenakan dengan terma-terma kewangan yang sedemikian. Ini biasanya melibatkan syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama atau syarikat-syarikat berkaitan.

Semakan dan analisa nisbah keumpilan (leverage ratio) kepada penyata kewangan penerbit instrumen (termasuk penyata aliran tunai) dapat mengesahkan kemampuannya membayar obligasi hutang dan menjamin pelunasan hutang berkenaan.

4.2.6. Penglibatan di dalam pengurusan

Sekiranya pemegang instrumen diberikan hak mengundi dalam mesyuarat agung, ia menandakan sesuatu instrumen itu bersifat ekuiti.

Sekiranya sesuatu instrumen itu tidak memberikan hak mengundi, ianya tidak secara automatik menyatakan instrumen berkenaan tidak bersifat ekuiti. Dalam kes transaksi terkawal atau pembiayaan dengan pihak berkaitan, instrumen masih berpotensi untuk bersifat ekuiti walaupun tanpa kewujudan hak untuk terlibat dalam pengurusan. Instrumen tersebut hendaklah dinilai lebih lanjut bersama faktor-faktor lain dalam menentukan ianya bersifat ekuiti atau hutang.

4.2.7. Manfaat kepada pemegang instrumen

Pemegang ekuiti biasanya melabur dalam sesuatu instrumen dengan jangkaan dilibatkan dengan keuntungan dan peningkatan nilai pelaburan atas modal yang dilaburkan dalam jangka masa yang panjang.

Pemegang hutang lazimnya melabur dengan jangkaan pulangan atas jumlah yang dilaburkan tanpa mengambil kira keuntungan sesuatu entiti. Pemegang hutang tidak mengharapkan peningkatan nilai atas modal pelaburan dan berusaha untuk mendapatkan punca aliran pendapatan secara tetap, berulang dan stabil sepanjang jangka hayat pelaburan tersebut.

- 4.3. Faktor-faktor di perenggan 4.2 telah disusun berdasarkan aturan keutamaan dalam menentukan sifat sesuatu instrumen itu ekuiti atau hutang.
- 4.4. Kewujudan salah satu daripada ciri-ciri dan faktor-faktor di atas tidak mencukupi dalam menentukan sama ada instrumen itu bersifat ekuiti atau hutang. Gabungan ciri-ciri dan faktor-faktor serta fakta dan keadaan bagi setiap kes perlu diambil kira dalam menentukan sifat sesuatu instrumen hibrid.
- 4.5. Layanan perakaunan bagi instrumen hibrid hendaklah ditentukan mengikut piawaian perakaunan semasa yang diterima pakai di Malaysia. Jika intipati sesuatu instrumen dari perspektif perakaunan adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip percukaian maka ianya penting untuk mempertimbangkan ciri-ciri dan faktor-faktor di bawah perenggan 4.2 dalam menentukan sifat instrumen tersebut.
- 4.6. Kajian kes di Lampiran A dan Lampiran B boleh dirujuk dalam menentukan sama ada satu instrumen adalah ekuiti atau hutang. Kedua-dua kajian kes adalah tidak menyeluruh dan untuk rujukan sahaja.

5. INSTRUMEN HIBRID ISLAM

- 5.1 Sukuk adalah instrumen kewangan Islam yang memiliki persamaan dengan bon tetapi mematuhi prinsip-prinsip syariah. Bergantung kepada kontrak syariah, sukuk boleh distrukturkan menjadi instrumen bersifat ekuiti atau hutang.
- 5.2 Sukuk yang distrukturkan berdasarkan prinsip Musyarakah atau Mudharabah adalah bersifat ekuiti. Ciri-ciri klasik sukuk seperti agihan keuntungan urusan niaga adalah berdasarkan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui, tiada jaminan atas kadar keuntungan dan rosot nilai modal atau prinsipal apabila kontrak mengalami kerugian memberikan bukti jelas bahawa kontrak Musyarakah atau Mudharabah adalah bersifat ekuiti.
- 5.3 Pembangunan sistem kewangan Islam telah membawa inovasi baharu dalam penstrukturan sukuk Musyarakah atau Mudharabah dimana kadar keuntungan yang dijangkakan adalah tetap dan terjamin, mungkin mempunyai ciri-ciri tertunda dan pulangan modal/prinsipal yang terjamin.
- 5.4 Instrumen yang memiliki ciri-ciri berkenaan adalah dikategorikan instrumen hutang. Inovasi yang membuatkan sukuk Musyarakah dan Mudharabah yang asalnya bersifat ekuiti berubah menjadi instrumen hibrid Islam.

- 5.5 Seperti yang dinyatakan di perenggan 4.2.1 untuk instrumen hybrid konvensional, jika punca bayaran semula prinsipal dan bayaran agihan atau keuntungan adalah bergantung kepada perolehan tertahan atau rizab terhad, instrumen berkenaan adalah bersifat ekuiti.
- 5.6 Walaubagaimanapun, dalam kes instrumen Islam sama ada am atau hibrid, kewujudan rezab bagi tujuan bayaran untung seperti Rezab Penyamaan Untung (RPU) adalah bagi memastikan keuntungan daripada program sukuk tidak bercampur dengan keuntungan perniagaan.
- 5.7 Oleh itu, elemen di perenggan 4.2.1 adalah tidak terpakai dalam kes instrumen hibrid Islam selagi mana bayaran agihan atau untung kepada pemegang sukuk daripada RPU adalah daripada untung semasa sukuk itu.
- 5.8 Walaupun mondis operandi instrumen hibrid Islam bagi bayaran agihan atau keuntungan adalah berbeza dengan instrumen hibrid konvensional seperti yang dinyatakan dalam 5.6 dan 5.7, faktor-faktor lain yang dibincangkan di perenggan 4 boleh digunakan bagi mengenalpasti sama ada sesuatu instrumen Islam itu bersifat ekuiti atau hutang.

6. LAYANAN CUKAI

6.1 Layanan cukai bagi instrumen ekuiti

6.1.1 Sekiranya suatu instrumen hibrid telah dikategorikan sebagai ekuiti bagi tujuan cukai pendapatan, apa jua bayaran yang terbit daripada instrumen tersebut adalah dilayan sebagai agihan keuntungan. Dividen boleh diterbitkan kepada pemegang saham, manakala lain-lain bentuk agihan diperuntukkan kepada bukan pemegang saham.

6.1.2 Pemegang instrumen:

- a) Dividen yang diterima daripada syarikat pemastautin di Malaysia adalah dikecualikan cukai dibawah perenggan 12B, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- b) Pendapatan dividen asing yang diterima di Malaysia dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026 layak mendapat pengecualian cukai dibawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 [P.U.(A) 235/2022] dan Garis Panduan atas Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan) yang diterbitkan pada 29 Disember 2022.

- c) Pengagihan ke atas instrumen yang dikeluarkan REIT dikenakan cukai bergantung kepada aktiviti pemegang unit.
- d) Selain daripada kes di atas, agihan yang diterima oleh pemegang ekuiti hendaklah dikenakan cukai selaras dengan layanan cukai semasa yang berkaitan di Malaysia jika tidak secara spesifik diberikan pengecualian ke atasnya.

6.1.3 Penerbit Instrumen:

Apa jua bayaran yang dilakukan oleh penerbit instrumen berhubung dengan instrumen tersebut bukan suatu potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP atau peruntukan lain yang serupa di bawah mana-mana undang – undang cukai di Malaysia.

6.2 Layanan cukai bagi instrumen hutang

6.2.1 Sekiranya suatu instrumen hibrid telah dikategorikan sebagai hutang bagi tujuan cukai pendapatan, apa jua bayaran yang terbit daripada instrumen tersebut adalah dilayan sebagai faedah. Ini termasuk keuntungan daripada instrumen Islamik berciri hutang berdasarkan subseksyen 2(7) ACP.

6.2.2 Pemegang instrumen:

Penerimaan faedah yang terbit daripada instrumen tersebut boleh dikenakan cukai di tangan pemegang instrumen selaras dengan layanan cukai semasa di Malaysia melainkan diberi pengecualian termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- a) Syarikat bukan pemastautin untuk sukuk dalam denominasi ringgit (selain daripada stok pinjaman boleh tukar) diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (perenggan 33A, Jadual 6 ACP).
- b) Mana-mana orang untuk sukuk bukan denominasi ringgit dari Malaysia (selain daripada stok pinjaman boleh tukar) dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (perenggan 33B, Jadual 6 ACP).
- c) Mana-mana individu, unit amanah dan dana tertutup berkaitan debentur atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Perenggan 35, Jadual 6 ACP).

6.2.3 Penerbit instrumen:

Apa-apa jumlah boleh bayar yang dilakukan oleh penerbit berhubung dengan instrumen tersebut dibenarkan sebagai potongan di bawah:

- a) subseksyen 33(1) ACP dan tertakluk pada sekatan di bawah subseksyen 33(2) ACP serta peruntukan lain di bawah ACP; atau
- b) peruntukan yang serupa sebagaimana perenggan 6.2.3(a) mana-mana undang-undang cukai di Malaysia.

7. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam garis panduan ini adalah bagi tujuan illistrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

19 Jun 2024

s.k: LHDN.01/35/(S)/42/51/84

Kajian Kes Instrumen Hutang

Suria Indah Berhad (SIB) adalah sebuah syarikat yang diperbadankan dibawah Akta Syarikat 2016 yang menjalankan aktiviti pembinaan harta tanah di Pulau Pinang. SIB telah menerbitkan Nota Berterusan di bawah Program Sekuriti Hutang Persendirian yang telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah analisis terhadap instrumen hibrid tersebut dalam menentukan sifat instrumen bagi tujuan cukai pendapatan:

Bil.	Faktor	Ciri	Analisis
1.	Punca dari mana prinsipal itu akan dibayar semula dan agihan atau keuntungan yang bakal dibayar beserta penarafan bayaran balik semasa berlaku likuidasi atau pembubaran	Terma dan syarat prinsipal bagi Nota Berterusan menyatakan bahawa: - bayaran agihan atau keuntungan adalah tidak bergantung pada pendapatan tertahan atau rizab terhad. - tanggungan membayar adalah terkumpul	Berciri hutang.
2.	Hak untuk menguatkuasakan bayaran agihan atau keuntungan dan bayaran balik prinsipal oleh pemegang instrumen	Klausa kemungkiran dan penguatkuasaan <i>menyatakan</i> bahawa pemegang Nota Berterusan diberikan hak untuk menuntut hutang tersebut apabila kegagalan berlaku.	Berciri hutang.
3.	Apabila berlaku keadaan kemungkiran	Petikan dari terma dan syarat prinsipal bagi Nota Berterusan menyatakan bahawa: <u>Terma kemungkiran</u> Penguatkuasaan terjadi (i) Penerbit Nota Berterusan gagal: a) <i>untuk membayar agihan termasuk agihan tertunggak; atau</i> (b) <i>mengimbangkan nilai nominal termasuk baki agihan kepada nota berterusan dan kegagalan berterusan bagi tempoh lima (5) hari bekerja; atau</i> (ii) Pihak mahkamah memutuskan untuk menggulung atau membubarkan kepada penerbit nota berterusan.	Berciri hutang.

		<u>Penguatkuasaan Pemulihan</u> Sekiranya perkara item (i) terjadi, pihak pemegang amanah akan menjalankan tanggungjawab penerbit bagi kegagalan membuat bayaran dan mengambil tindakan penggulungan atau membuat tuntutan pembubaran. Sekiranya perkara item (ii) terjadi pihak pemegang amanah akan mengistiharkan melalui resolusi istimewa kesemua baki nota berterusan termasuk baki yang belum dibayar akan menjadi boleh dibayar serta-merta oleh penerbit.	
4.	Tarikh matang instrumen	Tiada tarikh matang tetapi Nota Berterusan mempunyai kadar agihan dengan ciri peningkatan.	Kewujudan kadar agihan dan <i>ciri peningkatan</i> membuatkan Nota Berterusan adalah bersifat hutang.
5.	Kemampuan penerbit untuk mendapatkan pinjaman dan membuat bayaran pada transaksi selengan	Pemegang sedia ada Nota Berterusan terdiri daripada syarikat tersenarai tidak berkaitan. Kadar agihan semasa Nota Berterusan adalah setara dengan nilai pasaran.	Berciri hutang.
6.	Penglibatan di dalam pengurusan dan pembiayaan pihak berkaitan	Tiada. Pemegang Nota Berterusan terdiri daripada syarikat-syarikat tersenarai tidak berkaitan.	Berciri hutang.
7.	Manfaat kepada pemegang instrumen	Pemegang Nota Berterusan tiada kepentingan dalam syarikat dan tiada hak mengundi.	Berciri hutang.

Berdasarkan analisis di atas, ini menunjukkan *Nota Berterusan* tersebut adalah dilayan sebagai hutang. Agihan yang terbit daripada instrumen ini akan dicukai di tangan pemegang instrumen. Perbelanjaan agihan yang dilakukan oleh penerbit instrumen adalah potongan yang layak di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Kajian Kes Instrumen Ekuiti.

Alba Haba Sdn Bhd (AHSB) adalah syarikat subsidiari yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016. AHSB adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat telah menerbitkan *Sukuk Berterusan* di bawah Program Sekuriti Hutang Persendirian yang telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah analisis terhadap instrumen hibrid tersebut dalam menentukan sifat instrumen bagi tujuan cukai pendapatan:

Bil.	Faktor	Ciri	Analisis
1.	Punca dari mana prinsipal itu akan dibayar semula dan agihan atau keuntungan yang bakal dibayar beserta penarafan bayaran balik semasa berlaku likuidasi atau pembubaran	Terma-tema dan syarat-syarat prinsipal bagi <i>Sukuk Berterusan</i> menyatakan bahawa: - bayaran agihan atau keuntungan adalah tidak bergantung pada pendapatan tertahan atau rizab terhad; - tanggungan membayar adalah terkumpul.	Berciri hutang.
2.	Hak untuk menguatkuasakan bayaran agihan atau keuntungan dan bayaran balik prinsipal oleh pemegang instrumen	Tiada klausa <i>Kemungkiran</i>	Berciri ekuiti.
3.	Apabila berlaku keadaan kemungkiran (default)	Tiada klausa <i>Kemungkiran</i>	Berciri ekuiti.
4.	Tarikh matang instrumen	Tiada tarikh matang.	Berciri ekuiti.
5.	Kemampuan penerbit untuk mendapatkan pinjaman dan membuat bayaran pada transaksi selengan	Pemegang <i>Sukuk Berterusan</i> terdiri daripada syarikat-syarikat berkaitan. Kadar agihan semasa <i>Sukuk Berterusan</i> adalah pada 10.5% yang mana lebih tinggi daripada kadar agihan purata institusi-institusi kewangan (bukan selengan).	Berciri ekuiti.
6.	Penglibatan di dalam pengurusan	Tiada.	Berciri hutang.

LAMPIRAN B

7.	Manfaat kepada pemegang instrumen	Pemegang <i>Sukuk Berterusan</i> tiada hak mengundi dan tiada kepentingan dalam syarikat. Namun pemegang adalah berkaitan dan mempunyai pegangan saham secara langsung dan tidak langsung dalam syarikat penerbit.	Berciri ekuiti.
----	-----------------------------------	--	-----------------

Berdasarkan analisis diatas, ini menunjukkan *Sukuk Berterusan* tersebut adalah dilayan sebagai ekuiti. Agihan yang terbit daripada instrumen ini adalah agihan keuntungan selain dividen dan hendaklah dicukai selaras dengan layanan cukai semasa yang berkaitan. Perbelanjaan agihan yang dilakukan oleh penerbit *Sukuk Berterusan* adalah tidak layak potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.